



**AGENCI ANTIDADAH KEBANGSAAN  
KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

**SIARAN MEDIA**

**UNTUK SIARAN SEGERA**

**LAWATAN KELUARGA KLIEN SEMPENA SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI 2023/1444H**

Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) akan membuka satu sesi lawatan khas untuk keluarga atau penjaga klien AADK yang sedang mengikuti Program Rawatan dan Pemulihan Dalam Institusi (RPDI) di semua 30 buah Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) di seluruh negara.

Sesi lawatan keluarga ini bersempena dengan sambutan Hari Raya Aidifitri 2023/1444H akan bermula pada 25 April 2023 hingga 1 Mei 2023.

Lawatan ini bertujuan merapatkan hubungan antara klien dengan keluarga, mendapatkan sokongan moral dan emosi serta keluarga boleh melihat sendiri perkembangan kepulihan klien yang mengikuti Program RPDI AADK.

Lawatan Keluarga juga memberi ruang dan peluang antara keluarga atau penjaga dan klien untuk bertemu mesra serta sebagai pendekatan terapeutik dalam menyokong kepulihan klien.

Sehubungan itu, AADK meminta semua keluarga atau penjaga yang ingin menyertai Sesi Lawatan Keluarga ini untuk menghubungi Pegawai Pemulihan di PUSPEN masing-masing menerusi panggilan telefon; mesej pesanan ringkas (SMS), pesanan aplikasi *WhatsApp*; surat atau e-mel kepada pegawai berkenaan.

Orang ramai juga boleh menghubungi PUSPEN berkaitan untuk mendapatkan maklumat lanjut berkenaan Sesi Lawatan Keluarga ini atau menghubungi Talian Hotline Helo AADK di talian 1-800-22-AADK (2235) atau 019-626 2233 (*WhatsApp*) bagi mendapatkan khidmat nasihat atau aduan berkaitan permasalahan dadah.

**-TAMAT-**

**AGENCI ANTIDADAH KEBANGSAAN  
KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

KAJANG, SELANGOR  
18 April 2023  
Bil 2/ 2023